



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2022**

**Kecederaan pekerjaan di Malaysia meningkat 58.9 peratus kepada 34,216 kes pada tahun 2022.**

**PUTRAJAYA, 29 SEPTEMBER 2023** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiarakan **Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara** bagi tahun 2022. Statistik **kecederaan pekerjaan** ini mengandungi maklumat berkaitan **kecederaan pekerjaan bukan maut, kecederaan pekerjaan maut serta penyakit dan keracunan pekerjaan** yang memperincikan jenis kecederaan, punca kecederaan, faktor penyebab kecederaan, industri dan negeri untuk tahun 2022. Statistik ini adalah berdasarkan data yang dibekalkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kementerian Kewangan dan Polis Diraja Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Bagi tahun 2022, Malaysia mencatatkan jumlah **kecederaan pekerjaan** yang tinggi, dengan peningkatan pertumbuhan dua digit pada 58.9 peratus, merekodkan 34,216 kes daripada 21,534 kes pada tahun 2021. Justeru, kadar kecederaan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja meningkat kepada 2.22 berbanding 1.43 pada tahun sebelumnya (**Carta 1**). Bagi **kecederaan pekerjaan bukan maut**, jumlah kes adalah 33,899, merekodkan peningkatan ketara sebanyak 59.7 peratus berbanding 21,233 kes pada 2021. Oleh itu, kadar kecederaan pekerjaan bukan maut bagi setiap 1,000 pekerja mencatatkan kenaikan 2.20 pada tahun 2022 daripada 1.41 pada tahun 2021 (**Carta 2**). Sementara itu, terdapat sejumlah 317 kes **kecederaan pekerjaan maut** pada 2022, meningkat sebanyak 16 kes berbanding 301 kes pada tahun sebelumnya. Ini digambarkan dengan kadar kecederaan pekerjaan maut yang lebih tinggi bagi setiap 100,000 pekerja iaitu 2.06 pada 2022, lebih tinggi daripada 2.00 pada 2021 (**Carta 3**)."

Dari segi **kecederaan pekerjaan** mengikut latar belakang **demografi**, kes tersebut lebih kerap berlaku di kalangan pekerja lelaki, berikutan lebih cenderung terlibat dalam pekerjaan yang mempunyai kemungkinan kemalangan yang lebih tinggi disebabkan oleh sifat kerja tersebut. Analisis lanjut mengenai taburan kes mengikut jantina menunjukkan bahawa lebih daripada dua pertiga kes dikenal pasti sebagai pekerja lelaki (84.2%) berbanding 15.8 peratus oleh pekerja perempuan. Merujuk kepada **kecederaan pekerjaan maut**, kategori lelaki mencatatkan sumbangan 98.1 peratus (311 kes) manakala 1.9 peratus (6 kes) adalah kategori perempuan. Sementara itu, dari perspektif kecederaan pekerjaan mengikut **kewarganegaraan**, warganegara

Malaysia terdiri daripada 88.6 peratus atau 30,325 kes manakala bukan warganegara Malaysia menyumbang 11.4 peratus atau 3,891 kes (**Paparan 1**).

Perincian kategori mengikut **kumpulan umur** pada 2022, kebanyakannya kes melibatkan pekerja berumur di bawah 45 tahun dengan merangkumi hampir 70.1 peratus (23,976 kes). Sebaliknya, kadar **kecederaan pekerjaan** tertinggi bagi setiap 1,000 pekerja dicatatkan oleh kumpulan umur 60 hingga 64 tahun dan 55 hingga 59 tahun pada kadar 2.46 dan diikuti oleh 2.42 bagi kumpulan umur 50 hingga 54 tahun. Sementara itu, kumpulan umur 60 hingga 64 tahun mencatatkan kadar **kecederaan pekerjaan maut** tertinggi pada 3.78. Manakala, kumpulan umur 40 hingga 44 tahun berada di tempat kedua dengan kadar 2.93, diikuti oleh kumpulan umur 50 hingga 54 (2.28) dan 35 hingga 39 (2.10), melebihi kadar kecederaan pekerjaan maut nasional sebanyak 2.06 pada 2022 (**Carta 4**).

Berdasarkan perbandingan mengikut **negeri** dengan tahun sebelumnya, semua negeri mencatatkan peningkatan kecederaan pekerjaan kecuali Perlis. Selangor yang meliputi 19.2 peratus daripada keseluruhan kes, menunjukkan peningkatan jumlah kecederaan pekerjaan terbesar iaitu 2,368 dengan merekodkan 6,563 kes. Pada tahun tersebut, lapan negeri mencatatkan kadar kecederaan pekerjaan yang melebihi kadar nasional iaitu 2.22. Johor menduduki tempat tertinggi dengan kadar 3.59, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (3.53), Pulau Pinang (3.35) dan Perak (3.24). Sementara itu, terdapat peningkatan tahunan **kecederaan pekerjaan maut** bagi tahun 2022 di kebanyakan negeri iaitu Perak, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Selangor, Perlis, Terengganu dan Melaka. Kadar kecederaan pekerjaan maut tertinggi adalah di W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (3.69), dengan jumlah 33 kematian. Negeri Sembilan mencatatkan pengurangan tertinggi dengan kadar 1.90 (2021: 2.99) dengan merekodkan sembilan (9) kes berbanding 14 kes pada tahun sebelumnya (**Paparan 2**).

Seterusnya, klasifikasi mengikut **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994**, peraturan OSHA meliputi sepuluh sektor bagi melindungi pekerja daripada bahaya di tempat kerja. Perkhidmatan merekodkan jumlah **kecederaan pekerjaan** tertinggi dengan 10,403 kes (**Carta 5**). Ini diikuti oleh sektor Pengilangan dan Pembinaan yang masing-masing mencatatkan 9,906 dan 4,324 kes. Jumlah kes terendah pada tahun 2022 direkodkan oleh sektor Perlombongan & kuari dengan 140 kes. Secara keseluruhan, majoriti kecederaan pekerjaan mencatatkan trend menaik bagi semua sektor kecuali Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi serta Perlombongan & kuari. Sebaliknya, sektor Pembinaan kekal menduduki kedudukan tertinggi dari segi **kecederaan pekerjaan maut** dengan mencatatkan sejumlah 72 kes (2021: 73), berikutan menghadapi risiko yang berkaitan dengan jatuh, kemalangan jentera dan bahaya lain (**Carta 6**). Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan (65) dan Pengilangan (62).

Ketua Perangkawan turut mengulas, “Dimensi lain bagi analisis **kecederaan pekerjaan** berkaitan dengan **jenis kemalangan** adalah berbeza mengikut industri dan tempat kerja (**Paparan 3**). Jenis kecederaan pekerjaan yang biasa berlaku pada tahun 2022 adalah Memijak, terlanggar atau terkena objek termasuk objek yang jatuh (8,522 kemalangan, 100 kematian), Jatuh (7,944 kemalangan, 104 kematian), dan

Lain-lain jenis kemalangan yang tidak dikelaskan (5,119 kemalangan, 0 kematian). Kejadian ini disebabkan oleh Persekutuan pekerjaan (17,834 kes), Melalui pengangkutan dan mengangkat peralatan (6,818 kes) dan Mesin (3,172 kes) seperti yang digambarkan pada **Paparan 4**."

Bagi **lokasi kecederaan**, ini merujuk kepada **bahagian badan** tertentu di mana kecederaan berlaku, bergantung kepada jenis kemalangan dan persekitaran tempat kerja. Kebanyakan kecederaan pekerjaan melibatkan Anggota atas badan (jari, tangan dan bahu) dengan 12,670 kes, diikuti oleh Anggota bawah badan (kaki dan lutut) dengan 8,066 kes dan Batang tubuh (belakang, dada dan sistem perkumuhan) dengan 3,495 kes (**Paparan 5**). Lokasi kecederaan ini boleh diperincikan bagi beberapa **jenis kecederaan** untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai kecederaan (**Paparan 6**). Pada tahun 2022, jenis kecederaan yang signifikan merujuk kepada kecederaan yang kerap kali teruk adalah Lain-lain kecederaan (13,032 kes), Keretakan tulang (7,303 kes) dan Kecederaan lain dan tidak spesifik (4,716 kes).

Sebaliknya, **penyakit dan keracunan pekerjaan** adalah keadaan kesihatan yang berlaku akibat daripada pendedahan kepada bahaya di tempat kerja tertentu. Penyakit ini berterusan dari masa ke masa diakibatkan oleh pendedahan berulang kepada bahan berbahaya atau keadaan kerja yang tidak selamat. Melihat kepada jumlah penyakit pada tahun 2022, terdapat 7,413 kes dengan lebih daripada dua per tiga atau 76.7 peratus daripada keseluruhan penyakit tertumpu dalam kategori Penyakit pendengaran akibat bunyi bising pekerjaan yang mencatatkan 5,478 kes (**Paparan 7**). Ini diikuti oleh Penyakit musculoskeletal pekerjaan (678) dan Penyakit yang disebabkan agen biologi (420).

Jika dibuat perbandingan dengan beberapa negara lain, di Singapura kadar kecederaan di tempat kerja bagi setiap 100,000 pekerja berkurang daripada 673 pada tahun 2021 kepada 614 pada tahun 2022. Namun, kadar kecederaan pekerjaan maut meningkat kepada 1.3 bagi setiap 100,000 pekerja daripada 1.1 pada tahun sebelumnya. Melihat kepada situasi di Jepun pula, kadar kemalangan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja kekal pada kadar 2.3 (2021: 2.3). Walau bagaimanapun, didapati kadar yang lebih rendah sebanyak 1.42 direkodkan untuk kecederaan pekerjaan maut bagi setiap 100,000 pekerja berbanding dengan kadar 1.60 bagi tahun 2021 (**Paparan 8**).


Bagi mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Situasi statistik kecederaan pekerjaan di seluruh dunia menunjukkan cabaran berterusan dalam keselamatan tempat kerja. Kebanyakan negara telah melaksanakan peraturan keselamatan dan inisiatif untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja termasuk latihan keselamatan, pemeriksaan dan penalti bagi ketidakpatuhan".

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Kecederaan Pekerjaan, 2012-2022**




**Carta 2: Kecederaan Pekerjaan Bukan Maut, 2012-2022**




**Carta 3: Kecederaan Pekerjaan Maut, 2012-2022**




**Paparan 1: Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Pekerjaan Maut mengikut Jantina dan Kewarganegaraan, 2022**




**Carta 4: Kadar Kecederaan Pekerjaan mengikut Kumpulan Umur (setiap 1,000 pekerja), 2022**




**Paparan 2: Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Pekerjaan Maut mengikut Negeri, 2022**



**Carta 5: Kecederaan Pekerjaan mengikut Sektor OSHA, 2022**




### Carta 6: Kecederaan Pekerjaan Maut mengikut Sektor OSHA, 2022




Nota:

- 1. Pengilangan
- 2. Perlombongan dan Kuari
- 3. Pembinaan
- 4. Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
- 5. Kemudahan
- 6. Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi
- 7. Perdagangan Borong dan Runcit
- 8. Hotel dan Restoran
- 9. Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan
- 10. Perkhidmatan


### Paparan 3: Kecederaan Pekerjaan mengikut Jenis Kemalangan, 2022




### Paparan 4: Kecederaan Pekerjaan mengikut Penyebab Kemalangan, 2022




### Paparan 5: Kecederaan Pekerjaan mengikut Lokasi Kecederaan, 2022




### Paparan 6: Kecederaan Pekerjaan mengikut Jenis Kecederaan, 2022



### Paparan 7: Penyakit dan Keracunan Pekerjaan mengikut Kategori, 2022



### Paparan 8: Perbandingan Jepun, Malaysia dan Singapura



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
29 SEPTEMBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
NATIONAL OCCUPATIONAL ACCIDENT AND DISEASE STATISTICS 2022**

**Occupational injuries in Malaysia increased 58.9 per cent to 34,216 cases in 2022**

**PUTRAJAYA, SEPTEMBER 29, 2023** - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **National Occupational Accident and Disease Statistics** for the year 2022. The statistics of these **occupational injuries** contain information on **non-fatal occupational injuries, fatal occupational injuries and occupational diseases and poisoning** detailing the type of accidents, injuries, cause of the accident, industry and state for the year 2022. These statistics are based on the data provided by the Department of Occupational Safety and Health, Social Security Organisation, Ministry of Finance and Royal Malaysia Police.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “For the year 2022, Malaysia indicates a high number of **occupational injuries**, with an increase of double-digit growth at 58.9 per cent to record 34,216 cases from 21,534 cases in 2021. Hence, the rate of occupational injuries per 1,000 workers went up to 2.22 as compared to 1.43 in the preceding year (**Chart 1**). As for **non-fatal occupational injuries**, the number of cases was 33,899, recorded a notable increase of 59.7 per cent as against 21,233 cases in 2021. Thus, the rate of non-fatal occupational injuries per 1,000 workers consequently posted a rise of 2.20 in 2022 from 1.41 in 2021 (**Chart 2**). In the meantime, there were a total of 317 cases for **fatal occupational injuries** in 2022, an increase of 16 fatal injuries as compared to 301 fatalities in the preceding year. This translated to a higher rate of fatal occupational injuries per 100,000 workers at 2.06 in 2022, which was higher than 2.00 in 2021 (**Chart 3**).”

In terms of **occupational injuries** by **demographic background**, the cases have been more common among male workers, as they are more likely to be engaged in an occupation that has a higher likelihood of accidents due to the nature of the work. Further analysis on the distribution of cases by gender revealed that more than two-thirds of the cases were identified as male workers (84.2%) as opposed to 15.8 per cent of female workers. By **fatal occupational injuries**, the male category posted a share of 98.1 per cent (311 cases) while another 1.9 per cent (6 cases) was the female category. Meanwhile, from the perspective of **occupational injuries** by **nationality**, Malaysian citizens comprised a share of 88.6 per cent or 30,325 cases whereas non-Malaysian citizens comprised 11.4 per cent or 3,891 cases (**Exhibit 1**).

*Disaggregating occupational injuries by **age group** in 2022, most of the cases involved workers aged below 45 years with a portion of nearly 70.1 per cent (23,976 cases). On the contrary, the highest rate of **occupational injuries** per 1,000 workers were recorded by those aged 60 to 64 and 55 to 59 years at 2.46 and followed by 2.42 for the age group of 50 to 54 years. In the meantime, those aged 60 to 64 posted the highest rate of **fatal occupational injuries** at 3.78. Meanwhile, age groups 40 to 44 years ranked second with a rate of 2.93, followed by age groups 50 to 54 (2.28) and 35 to 39 (2.10), exceeding the national rate of fatal occupational injuries at 2.06 in 2022 (**Chart 4**).*

*In comparison by **state** with the previous year, all states posted increases in **occupational injuries** except for Perlis. Selangor which comprised 19.2 per cent of the overall cases, gained the largest number of occupational injuries by 2,368 to record 6,563 cases. During the year, eight states posted an occupational injuries rate surpassing the national rate of 2.22. Johor ranked the highest with 3.59, followed by W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (3.53), Pulau Pinang (3.35) and Perak (3.24). In the meantime, the annual increases in **fatal occupational injuries** for the year 2022 were observed in most of the states, namely Perak, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Selangor, Perlis, Terengganu and Melaka. The highest rate of fatal occupational injuries was in W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (3.69), resulting in a total of 33 deaths. Negeri Sembilan posted the highest reduction with a rate of 1.90 (2021: 2.99) to record nine (9) cases as compared to 14 cases in the preceding year (**Exhibit 2**).*

*Moving on to the classification according to the **Occupational Safety and Health Act (OSHA)** 1994, OSHA regulations cover ten sectors to protect workers from hazards on the job. Services recorded the highest number of **occupational injuries** with 10,403 cases (**Chart 5**). This was followed by Manufacturing and Construction sectors which registered 9,906 and 4,324 cases respectively. The lowest number of cases in 2022 was recorded by Mining & quarrying sector at 140. Overall, the majority of occupational injuries posted an upward trend for all the sectors except for Transport, storage & communication and Mining & quarrying. On the contrary, the Construction sector has consistently ranked high in terms of **fatal occupational injuries** which registered a number of 72 cases (2021: 73), as they are facing risks related to falls, machinery accidents and other hazards (**Chart 6**). This was followed by Services (65) and Manufacturing (62).*

*The Chief Statistician further commented, "Another dimension of analysis for **occupational injuries** is associated with the **types of accidents** which can vary by industry and workplace (**Exhibit 3**). The most common causes of occupational injuries in 2022 were Stepping on, striking against or struck by objects including falling objects (8,522 accidents, 100 deaths), Falls of persons (7,944 accidents, 104 deaths) and Other types of accident, not elsewhere classified (5,119 accidents, 0 death). These incidents were caused by the Working environment (17,834 cases), Means of transport and lifting equipment (6,818 cases) and Machines (3,172 cases) as illustrated in **Exhibit 4**."*

As for the **injury location**, this refers to the **specific part of the body** where an injury occurs, depending on the type of accident and nature of the workplace. Most of the occupational injuries involve the **Upper limb** (fingers, hands and shoulders) with 12,670 cases, followed by **Lower limb** (legs and knees) with 8,066 cases and **Trunk** (back, chest and urinary system) with 3,495 cases (**Exhibit 5**). This injury location could be specified for several **types of injuries** to provide a more comprehensive description of the injury (**Exhibit 6**). In 2022, significant types of injuries refer to injuries that are often severe were **Other Wounds** (13,032 cases), **Fractures** (7,303 cases) and **Other and unspecified injuries** (4,716 cases).

On the other hand, **occupational diseases and poisoning** are health conditions that result from exposure to specific workplace hazards. These illnesses develop over time due to repeated exposure to harmful substances or unsafe working conditions. Looking at the number of disease in 2022, there were 7,413 cases with more than two-thirds or 76.7 per cent of total disease was concentrated in the **Occupational noise-related hearing disorders** category which accounted for 5,478 cases (**Exhibit 7**). This was followed by **Occupational musculoskeletal diseases** (678) and **Diseases caused by biological agent** (420).

With regard to comparison with other countries, in Singapore the workplace injury rate per 100,000 workers decreased from 673 in 2021 to 614 in 2022. However, the fatal injury rate went up by 1.3 per 100,000 workers from 1.1 in the previous year. Looking at the situation in Japan, the occupational accident rate per 1,000 workers sustained with a rate of 2.3 (2021: 2.3). However, a lower rate of 1.42 for fatal accidents per 100,000 workers was observed as opposed to the rate of 1.60 for 2021 (**Exhibit 8**).


In concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The situation of occupational injuries statistics worldwide demonstrated ongoing challenges in workplace safety. Many countries have implemented safety regulations and initiatives to reduce workplace accidents including safety training, inspections and penalties for non-compliance."

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".


**Chart 1: Occupational Injuries, 2012-2022**



**Chart 2: Non-fatal Occupational Injuries, 2012-2022**



**Chart 3: Fatal Occupational Injuries, 2012-2022**



### Exhibit 1: Occupational Injuries and Fatal Occupational Injuries by Gender and Nationality, 2022




Chart 4: Rate of Occupational Injuries by Age Group (per 1,000 workers), 2022







Exhibit 2: Occupational Injuries and Fatal Occupational Injuries by State, 2022



**Chart 5: Occupational Injuries by OSHA Sector, 2022**




**Chart 6: Fatal Occupational Injuries by OSHA Sector, 2022**




Notes:

- 1. Manufacturing
- 2. Mining and Quarrying
- 3. Construction
- 4. Agriculture, Forestry and Fishing
- 5. Utilities
- 6. Transport, Storage and Communication
- 7. Wholesale and Retail Trades
- 8. Hotels and Restaurants
- 9. Finance, Insurance, Real Estate and Business Services
- 10. Services


**Exhibit 3: Occupational Injuries by Type of Accident, 2022**




**Exhibit 4: Occupational Injuries by Cause of Accident, 2022**



**Exhibit 5: Occupational Injuries by Injury Location, 2022**




**Exhibit 6: Occupational Injuries by Type of Injury, 2022**



**Exhibit 7: Occupational Disease and Poisoning by Category, 2022**



**Exhibit 8: Comparison Japan, Malaysia and Singapore**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
29 SEPTEMBER 2023**